



PINTU masuk Galeria Perdana yang direka bentuk berkonsepkan harmoni.



PELBAGAI koleksi cenderamata dari dalam dan luar negara yang dihadiahkan kepada Dr Mahathir dipamerkan di Galeria Perdana.

Galeria Perdana tanda penghargaan

BH 31/10/2003 - 26 PRECISE

Oleh Wan Jailani Razak

TIADA sempadan membatasi pengiktirafan terhadap kebijaksanaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerajui negara ini. Dari sesejuk benua di Antartika hingga sepanas terik Gurun Sahara, mutu kepemimpinan Perdana Menteri tetap jitu.

Sejak dilantik memegang jawatan nombor satu dalam kerajaan pada 1981, Dr Mahathir melakar banyak kejayaan buat negara. Kelantangannya menyuarakan pendapat mengenai sesuatu isu antarabangsa mendapat perhatian dunia.

Justeru, tidak hairanlah, ramai pemimpin negara luar, selain tokoh tempatan, mengagumi beliau dan menzahirkan penghargaan itu menerusi pemberian hadiah yang unik dan tidak da-

pat dinilai dengan wang ringgit. Pemberian itu yang kini berjumlah lebih 8,000 koleksi dan dianggap oleh Dr Mahathir sebagai milik kerajaan dan rakyat negara ini, kini dipamerkan di Galeria Perdana di Langkawi. Galeri berharga RM5 juta itu disiapkan dalam tempoh kurang 10 bulan oleh Woodhouse Sdn Bhd.

Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) yang mengambil inisiatif membina galeri itu memilih Kilim, kira-kira 10 kilometer dari Pekan Kuah sebagai lokasi galeri yang mempunyai reka bentuk bercirikan campuran oriental itu. Dua bangunan utama galeri berkenaan kini menempatkan pelbagai bahan pameran, termasuk hadiah yang diterima isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Koleksi itu diatur begitu teliti mengikut jenis bahan supaya ia memancarkan senario menarik kepada pengun-

jung ketika menghayati nilai warisan, kesenian dan kebudayaan negara pemberi.

Pengurus Galeria Perdana, Mahani Muhammad, ketika ditemui berkata, galeri yang dibina pada 1995 itu bertujuan mempamerkan cenderamata yang dihadiahkan kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah oleh pemimpin dunia serta masyarakat Malaysia sebagai tanda penghargaan kepada beliau dan negara.

"Perdana Menteri pernah menyatakan semua koleksi itu bukan milik peribadi tetapi hak kerajaan dan rakyat Malaysia. Justeru, menjadi harapan beliau dengan adanya pameran ini, pelawat dapat menikmati serta menghayati keunikan, kekayaan seni dan budaya sesuatu bangsa di dunia," katanya.

Pameran itu juga merakamkan penghargaan Dr Mahathir kepada semua lapisan masyarakat

yang menghadiahkan cenderamata itu kepada beliau dan isteri. Pelancong asing pastinya bangga apabila menyaksikan hadiah yang dipamerkan adalah daripada negara mereka. Malah, mungkin ada di antara mereka yang langsung tidak pernah melihat koleksi sedemikian.

Mengimbas kembali kata-kata Dr Mahathir ketika merasmikan Galeria Perdana pada 3 Disember 1995, beliau ternyata bukan seorang yang mementingkan diri sendiri. Katanya: "Barang-barang yang dihadiahkan itu adalah ketika saya menjadi Perdana Menteri yang secara langsung milik kerajaan. Bukan saya tidak menghargainya tetapi oleh kerana ia milik kerajaan, saya menyerahkannya".

Ketika itu, beliau seperti biasa sempat berseloroh dengan berkata: "Saya juga menerima makanan, tetapi kalau saya hendak bagi juga, ia mungkin sudah bu-

suk. Oleh itu, saya minta halalkannya."

Justeru, Galeria Perdana yang menghimpunkan koleksi cenderamata pemberian pemimpin dan tokoh dunia dan tempatan yang disifatkan sebagai galeri kenang budi dan jasa Dr Mahathir sebagai pemimpin negara, wajar terus kekal sebagai sebuah monumen penting untuk generasi sekarang dan akan datang.

Keunikan galeri itu diakui sendiri oleh Wanita Pertama Botswana, Gladys Masire berdasarkan catatannya dalam buku lawatan apabila beliau mencatatkan:

"Saya berasa sungguh kagum dan berharap anda akan terus menjadikan tempat ini bersih dan kemas. Semua hadiah didapati disimpan dengan baik dan saya banyak belajar daripada anda. Kita belajar dengan mengambil contoh dari negara yang sudah berjaya seperti Malaysia. Tahniah'."



DR MAHATHIR melihat kraftangan dari Uzbekistan yang dihadiahkan kepada beliau.